

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **PENYEBARAN MAKLUMAT DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE-12: STRATEGI MENDEKATI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA**

*Haziah Saari  
Mujibu Abd Muis*

## **ABSTRAK**

*Melangkahi era digital kian menonjolkan kepentingan maklumat dalam menjana kehidupan yang progresif, inovatif dan kreatif. Maklumat yang dinilai sebagai aset atau komoditi menjadi entiti teras dalam membuat keputusan yang tepat serta berupaya menghurai sebarang permasalahan secara efektif maupun efisien. Dalam konteks pilihan raya maklumat yang terkini, telus dan tepat sewajarnya dapat disalurkan kepada semua lapisan masyarakat tanpa wujudnya sebarang pendiskriminasian. Bagaimanapun fenomena terlepas pandang ini masih berlaku di kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya di kalangan komuniti pekak di Malaysia. Jurang komunikasi yang ketara sejak sekian lama menyebabkan golongan ini terus dipinggirkan dan seakan-akan dinafikan hak dalam menerima maklumat yang relevan. Ini mengakibatkan mereka tidak dapat membuat keputusan yang benar-benar tepat dan bijak dalam memilih calon terbaik semasa pilihan raya. Sehingga pengujung 2006, terdapat 29,522 orang pekak di Malaysia yang mewakili 15% daripada 197,519 jumlah keseluruhan OKU yang berdaftar secara sukarela. Statistik ini dijangka lebih tinggi kerana enakmen yang mewajibkan semua OKU mesti mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat belum digubal. Pengabaian dalam mendekati komuniti pekak semasa proses pilihan raya perlu diatasi kerana sudah pasti bilangan mereka berupaya meningkatkan peratus kertas undi calon-calon yang bertanding. Beberapa masalah dan cadangan telah digariskan sebagai alternatif dalam menarik lebih ramai komuniti pekak keluar mengundi serta memilih calon terbaik sekaligus merapatkan jurang komunikasi yang telah merentangi hak mereka sepanjang dua belas kali pilihan raya umum.*

## **PENGENALAN**

Pengistilahan OKU (Orang Kurang Upaya) dikelaskan kepada beberapa kategori bergantung kepada kecacatan atau ketidakupayaan yang dialami sama ada dari segi fizikal atau mental. Meski demikian, tuntutan kebajikan dan keperluan mereka untuk meneruskan kehidupan adalah sama dengan masyarakat yang sihat dan sempurna. Bukan sesuatu yang memeranjatkan untuk membuat kenyataan bahawa selama ini kita memandang sepi, meminggirkan malah menindas harapan OKU yang inginkan kesaksamaan peluang dalam bidang pendidikan, ekonomi mahupun sosial. Setelah 51 tahun Malaysia mengecapi nikmat kemerdekaan, impian mereka itu diharapkan bukan lagi satu enigma kerana Rang Undang-Undang (Akta) OKU telah dibentangkan dan diperdengarkan buat pertama kalinya di Parlimen pada Disember 2007. Tindakan kerajaan melantik Profesor Datuk Dr. Ismail Md. Salleh

sebagai senator pertama daripada golongan OKU adalah refleksi keseriusan Malaysia dalam menyokong dan mengaktifkan program pembangunan golongan tersebut serta sebagai satu saluran atau wakil suara bagi golongan OKU.

Kertas kerja ini akan memfokuskan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti pekak dalam mendapatkan maklumat khasnya dalam menghadapi kempen pilihan raya untuk memilih pucuk pimpinan negara serta mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan bagi mengurangkan masalah tersebut. Perlembagaan Malaysia menggariskan bahawa setiap warga negara yang berusia 21 tahun ke atas bebas dan layak mengundi calon pemimpin yang dipilih tanpa mengira keturunan, budaya, dan agama termasuk sama ada seseorang itu sempurna dari segi fizikal/pancaindera atau tidak. Ini bermakna, setiap warganegara Malaysia mempunyai nilai dan hak yang sama pentingnya dalam menentukan pemimpin yang berkredibiliti dan berakauntabiliti untuk meneraju Malaysia yang tercinta.

Statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat hingga akhir 2006 terdapat 197,519 OKU (29,522 atau 15% daripadanya cacat pendengaran) yang mendaftar secara sukarela. Jika jumlah ini dicampurkan dengan statistik terbaru untuk 2007 pertambahan berjumlah 220,875 orang (31,752 daripadanya cacat pendengaran).

Jadual 1: Bilangan OKU Berdaftar Mengikut Kumpulan Umur, Jenis Kecacatan dan Jantina bagi Tahun 2007

Kumpulan Umur	Penglihatan		Pendengaran		Anggota		Bermasalah Pembelajaran		Cerebral Palsy		Lain-lain		Jumlah	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Bwh 6 thn	103	85	132	115	262	139	1125	725	197	129	141	109	1960	1302
6-12 thn	95	84	219	154	354	182	2283	1091	90	62	122	75	3163	1648
13-18 thn	100	55	120	103	343	247	1065	654	66	55	73	53	1767	1167
<b>Jumlah (A)</b>	298	224	471	372	959	568	4473	2470	353	246	336	237	6890	4117
19-25 thn	96	60	173	118	576	243	503	373	65	43	107	76	1520	913
26-35 thn	164	100	176	147	809	333	422	359	62	40	110	61	1743	1040
36-45 thn	196	108	159	115	954	372	236	208	34	33	97	61	1676	897
46-59 thn	275	129	158	124	1214	513	160	151	18	13	111	53	1936	983
60 dan lebih	154	86	134	83	667	337	26	35	6	2	65	46	1052	589
<b>Jumlah (B)</b>	885	483	800	587	4220	1798	1347	1126	185	131	490	297	7927	4422
<b>Jumlah keseluruhan (A&amp;B)</b>	1183	707	1271	959	5179	2366	5820	3596	538	377	826	534	1481	8539

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2007)

Sementara itu, jumlah komuniti pekak berdaftar tahun 2007 bagi yang berumur 26 tahun dan ke atas ialah 2,230 orang. Statistik ini belum merangkumi keseluruhan warga pekak di Malaysia kerana terdapat kelemahan pengendalian pengumpulan data dan belum ada sebarang enakmen digubal yang mewajibkan setiap OKU perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sungguhpun mereka ini dikelompokkan sebagai golongan minoriti tetapi hak-hak mereka di dalam pentadbiran yang dikuasai oleh golongan majoriti tidak harus dipinggirkan. Mereka juga berkuasa menambah bilangan undi yang menjadi faktor kemenangan seseorang calon dalam pilihan raya. Bagaimanapun hak-hak mereka untuk menerima maklumat yang tepat khasnya yang berkaitan dengan pilihan raya seakan ditindas kerana permasalahan bahasa. Inilah punca utama komuniti pekak ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk hak mendapat dan menerima maklumat di dalam menjalani kehidupan yang serba mencabar ini. Ketidakadilan dan ketidakseimbangan kita di dalam menyebarkan maklumat kepada golongan ini memerlukan penilaian semula serta kerjasama yang menyeluruh dari pelbagai sudut secara konsisten dan komited. 'Deafness is not so much a deprivation of hearing as it is a deprivation of information.' (Carver, 1993).

Secara hakikat, negara masih gagal melunaskan tanggungjawab dalam menyediakan keperluan maklumat yang lengkap dan relevan kepada golongan ini. Kesempurnaan maklumat diukur dari sudut keberkesannya menyelesaikan sesuatu masalah serta membantu membuat keputusan dengan tepat, cekap dan cepat.


## TAKRIFAN

Pakar dan pemikir sains maklumat telah lama meramalkan tentang kepentingan maklumat sejak pertengahan abad ke 20 lagi. 'Information has been regarded as one of the most important commodities in any pursuit and this is more apparent in the current rapid economic growth.' (Raja Abdullah Yaacob, 1996). Maklumat telah menjadi satu desakan dan keperluan kerana ia merupakan jambatan kehidupan yang inovatif apabila sesebuah masyarakat itu dapat mempergunakan nilainya untuk perkembangan intelektual secara kreatif dan berterusan. 'Information can act as merchandise that can be transacted from every corners of the world. It is also regarded as a strong force for creative intellectual development.' (Haziah, Shamsul & Marlia, 2008)

Keperluan maklumat adalah fitrah desakan dalaman manusia atau cetusan kehendak seseorang untuk mengetahui mahupun menyelesaikan sesuatu persoalan. Keperluan maklumat dapat diuraikan sebagai 'a gap in a person's knowledge that, when experienced at the conscious level as question, give rise to a search for an answer.' (Reitz, 2004). Secara asasnya, manusia akan menjadi lega atau puas apabila keperluan maklumat mereka diperolehi tetapi komuniti pekak akan terus hidup dengan pelbagai persoalan atau ketidakfahaman secara berterusan disebabkan jurang bahasa yang amat ketara. Lama kelamaan komuniti ini akan mengalami tekanan kerana keperluan naluri mereka tidak 'didengari' dan dipenuhi. Rajah 1 (Haziah, Mohd Shamsul & Marlia, 2008) dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang kepincangan dan sekatan penyebaran maklumat yang wujud sekian lama di kalangan warga pekak.

Komuniti pekak didefinisikan sebagai kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik atau tuli. Istilah 'pekak' dan 'bisu' dalam masyarakat pengguna bahasa Melayu, merujuk secara langsung kepada

'individu yang mempunyai masalah pertuturan dan pendengaran'. (Abdullah Yusoff, 2008). Oleh kerana kepekakan tersebut, maka mereka mengalami 'sekatan' aliran maklumat sedangkan ianya sangat diperlukan dalam kehidupan serba mencabar ini. Jurang pengetahuan atau 'knowledge gap' adalah satu rencaman maka ia perlu dirapatkan supaya keperluan maklumat dapat diisi, diberi dan disalurkan kepada komuniti pekak dengan berkesan.



Rajah 1: Kitaran Maklumat Komuniti Pekak

(Sumber: Haziah, Mohd Shamsul & Marlia, 2008)

Dunia menyedari pelan tindakan perlu diambil untuk mengatasi jurang komunikasi maklumat. Dalam mesyuarat High-level Intergovernmental Meeting to Conclude the Asean and Pacific Decade 1993-2002 yang diadakan di Otsu City, Chiga Japan pada 25-28 October 2002, beberapa pelan tindakan perlu diberi perhatian. Resolusi 58/4 menyatakan, kerajaan di peringkat serantau telah mengenalpasti beberapa perkara yang kritikal untuk ditangani antaranya '*access to information and communications, including information, communications and assistive technologies*'. Cadangan oleh Biwako Millennium Framework for Action yang dirangka oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk tahun 2003 hingga 2012 menyatakan bahawa imbangan terbaik penyediaan jurubahasa adalah dalam nisbah 1:100 iaitu seorang jurubahasa mewakili 100 orang pekak. Bagaimanapun, Projek di bawah Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) yang dirangka pada Mei 2002 ini gagal dikuti di Malaysia kerana nisbah jurubahasa isyarat sepenuh masa buat masa ini hanyalah 15 orang yang mewakili 29,522 orang pekak yang berdaftar.

Oleh yang demikian, kekurangan jurubahasa isyarat menyebabkan keperluan maklumat kepada komuniti pekak begitu terdesak dan mendesak. Komuniti ini terlalu kekurangan 'sumber' yang diharapkan dapat menyalurkan maklumat dalam meningkatkan nilai kehidupan secara inovatif dan kreatif. Medium utama yang perlu digunakan untuk menyampaikan maklumat tersebut ialah dengan menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) selain dari sumber maklumat yang berformatkan cetakan atau tulisan seperti surat khabar, monograf, majalah dan seumpamanya.

Kemelut yang sedang dihadapi ialah tahap penguasaan MySL masih terlalu rendah di kalangan masyarakat normal menyebabkan proses komunikasi dengan komuniti pekak secara berkesan tidak dapat dilaksanakan. Jurang maklumat yang ketara ini diperlebar lagi dengan masalah teknik penulisan yang menggunakan struktur ayat komprehensif dan tidak dapat difahami sepenuhnya oleh komuniti pekak. MySL tidak mempunyai beberapa elemen seperti imbuhan (men, me, ber, kan dan lain-lain) dan suku kata. Ketidakselarasan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga berlaku di United Kingdom di mana syntax yang berbeza di antara BSL (*British Sign Language*) dan Bahasa Inggeris menyebabkan maklumat yang diperolehi melalui bahan bacaan gagal difahami. *'Reading is a "serious problem" among pre-lingually deaf school leavers, owing to the different vocabulary and syntax between BSL and English.'* (Kyle & Woll, 1985). Senario ini turut membantutkan dan melambatkan proses penyaluran maklumat kepada mereka.

## HALANGAN DAN CABARAN

Beberapa halangan telah dikenalpasti yang menjadi punca kepada ketidaksempurnaan penyediaan maklumat kepada komuniti pekak Malaysia.

### Peranan Program Siaran Televisyen

Medium penyiaran mampu diyakini berkesan dalam menyebarkan maklumat seperti mana yang dikecapi oleh masyarakat pekak di Malaysia atau dunia umumnya. Penyaluran maklumat melalui siaran televisyen menjadi tumpuan majoriti komuniti pekak kerana mereka menggunakan penglihatan untuk menerima input yang disalurkan. Sepanjang kempen pilihan raya, liputan dan isu-isu negara menjadi agenda berita utama televisyen bagi menghangatkan lagi perasaan memilih terbaik apabila tiba hari mengundi. Bagaimanapun, tahap penyerapan maklumat di kalangan komuniti pekak mesti dibantu dengan terjemahan jurubahasa isyarat yang bertindak secara langsung sewaktu siaran sedang ke udara. 'Terdapat langkah-langkah ke arah rancangan mesra orang pekak. Misalnya, rancangan berita di RTM1 yang menyiarkan ruangan bahasa isyarat bagi kemudahan warga pekak. Begitu juga dengan drama dan program televisyen yang turut menyiarkan sari kata. Hal ini merupakan satu usaha agar orang pekak tidak berasa terasing dan berputus asa untuk mencapai kejayaan.' (Mohd. Ali Salim, 2008). Berdasarkan kenyataan tersebut, keperihatinan RTM1 dalam menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat telah memberi satu peluang kepada warga pekak untuk turut sama memperolehi maklumat seperti mana yang dikecapi oleh masyarakat normal. Sungguhpun demikian, siaran berita ini hanya menyediakan perkhidmatan jurubahasa untuk segmen berita peringkat nasional tetapi mengabaikan rancangan dokumentari atau diskusi dalam mengupas sesuatu isu. Kekurangan ini terjadi kerana hanya seorang jurubahasa yang mampu berkhidmat bagi sesuatu program pada satu-satu masa. Akibat dari rancangan penyaluran dan penyebaran maklumat ini, kesedaran politik di kalangan warga pekak masih rendah dan perlu dipandang serius oleh negara. Tanpa kesedaran politik

dan prihatin dalam kepimpinan negara, komuniti ini akan terus ketinggalan kerana kuasa politik sahaja yang mampu mengubah nasib mereka menerusi penggubalan akta yang menitikberatkan kepentingan mereka sebagai golongan minoriti.

‘Akta yang sedia ada ialah berasaskan kebajikan. Sekarang kita bercakap tentang hak mereka.’ (Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, 2007). Itu antara kata-kata bekas Menteri di Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat pada sambutan Hari OKU pada tahun 2006 yang cuba menekankan keperihatinan beliau tentang kesamarataan hak yang perlu diberikan kepada (Orang Kurang Upaya) OKU. Jelaslah bahawa OKU tidak mahu terus bernafas dan hidup hanya dengan nilai ihsan atau kebajikan semata-mata. Hak yang di sini termasuk kesamarataan mendapatkan maklumat yang mencukupi dalam menghadapi pilihan raya umum. Sehingga hari ini, akta tersebut seakan satu retorik politik kerana di mana-mana kita belum digahkan dengan perbincangan yang serius tentangnya. Setelah sekian lama negara mencapai kebebasan dalam mentadbir negara, komuniti ini terus “terpenjara” dalam dunia mereka yang seakan terpisah dengan nilai pembebasan sebenar iaitu bebas memilih calon pilihan raya yang mampu bersuara bagi pihak mereka.

### **Pengiktirafan Bahasa Isyarat**

Di Malaysia, belum ada kaedah yang berkesan dalam mempelajari bahasa isyarat. Buat masa ini penggunaan buku Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) merupakan kaedah komunikasi dan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah program percantuman dan sekolah khas program bermasalah pendengaran dalam pengajaran untuk semua subjek terutamanya subjek Bahasa Melayu. Bagaimanapun, penggunaan buku KTBM perlu mengikut turutan iaitu prinsip kata dasar, prinsip imbuhan, kata ganda, kata majmuk dan kata sinonim yang betul. Sungguhpun demikian pergantungan kepada buku KTBM belum lagi mampu meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu pelajar bermasalah pendengaran. Hasil kajian yang dijalankan ‘70% responden kajian menyatakan penggunaan buku KTBM tidak berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu’. (Abdul Rahim Razalli, 2007). KTBM ini tidak memberi kesan yang baik dan melambatkan lagi komunikasi antara dua Orang Pekak. Bukan sahaja KTBM tidak dapat memberi gambaran dan maksud kepada Orang Pekak, tetapi juga menyebabkan Orang Pekak tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik.’ (Ismail Md Salleh, 2007).

KTBM adalah merupakan kod-kod yang digunakan bagi melambangkan perkataan-perkataan dan imbuhan yang digunakan dalam Bahasa Malaysia. Kod-kod ini dibina bagi membolehkan mereka yang bermasalah pendengaran menguasai Bahasa Malaysia. Oleh kerana KTBM adalah bahasa yang berlambangkan kepada simbol atau karektor, sebaliknya Bahasa Malaysia adalah bahasa yang menggunakan lambang bunyi. KTBM walaupun mengandungi perkataan Bahasa Malaysia sebenarnya ia tidak sama dengan Bahasa Malaysia. ‘Kegagalan KTBM mungkin menimbulkan rasa kecewa di kalangan komuniti itu, lalu mereka ketengahkan Bahasa Isyarat Malaysia (kini MySL: Malaysian Sign Language). Kalau KTBM adalah kaedah yang dianjurkan untuk komuniti pekak, MySL adalah hasil anjuran komuniti pekak sendiri untuk digunakan dalam kehidupan harian mereka.’ (Abdul Rahman Hamdan, 2007). Bagaimanapun usaha mengangkat MySL sebagai bahasa perantaraan rasmi masih samar kerana kerajaan belum bersedia mengiktiraf Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) sebagai bahasa ketiga negara ini.

## **Pendiskriminasian Maklumat atas Talian**

Kepentingan atau peranan media atas talian diakui sebagai faktor yang mendominasi keputusan pilihan raya ke-12 lepas. Kerajaan akur tentang fenomena terlepas pandang itu kerana sejak sekian lama jentera penyebaran yang cuba dikuasai berfokus kepada media cetak. Dalam kemajuan teknologi maklumat yang begitu pesat, penyaluran maklumat atas talian merupakan wadah terbaik kepada capaian maklumat dengan lebih cepat dan fleksibel. Malaysia pula telah muncul sebagai pengendali laman blog yang tertinggi di dunia selepas Kesatuan Eropah dan Indonesia dengan anggaran sebanyak 500,000 blog yang aktif. Penggunaan blog sangat berkuasa dalam mempengaruhi pemikiran rakyat negara dan penyebaran maklumat secara berkesan. 'Sesetengah blog begitu berpengaruh apabila menerima sehingga sejuta kunjungan pada suatu hari yang normal.' (Utusan Malaysia, 2008). Nyatalah bahawa laman blog berupaya memenuhi keperluan maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti pekak. Apa yang menjadi isu sekarang ialah golongan pekak berhadapan dengan kesukaran memahami mesej yang disampaikan oleh pengendali blog apabila blog ditulis dalam Bahasa Melayu yang rendah. Apabila teks dicampuradukkan antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris, ditambah pula dengan unsur-unsur bahasa pasar, slanga, dan akronim bagi menggantikan ejaan penuh, hal ini menyebabkan blog sukar dibaca.

Keadaan ini bertambah serius apabila pengunjung blog meninggalkan maklum balas dan ulasan di dalam entri pengendali blog dengan gaya bahasa yang rendah. Tahap kepantasan membaca dan kefahaman pelayar pekak menurun, kesan penggunaan bahasa yang tidak terkawal. Akibatnya, maklumat yang disampaikan oleh pengendali blog menjadi tidak relevan kepada pelayar pekak. 'Kesukaran pelayar pekak membaca blog tempatan disifatkan sebagai diskriminasi secara langsung terhadap hak mereka untuk mengakses blog pilihan. Dunia blog akan kekal bisu bagi pelayar pekak apabila pengendali blog tidak menyedari bahawa yang membaca blog itu menggunakan deria pendengaran mereka.' (Zamri Mohamad, 2008).

## **Kurangnya Usaha Kerajaan Mendekati Persatuan Orang Pekak**

Komuniti pekak mempunyai ruang lingkup sosial yang terbatas dan tidak begitu teruja untuk mendekati golongan normal kerana jurang bahasa yang ketara. Dalam erti kata lain mereka dipengaruhi maupun terpengaruh dengan kelompok mereka sahaja. Kecenderungan untuk melakukan sesuatu keputusan khasnya dalam memilih calon yang bertanding semasa pilihan raya dipengaruhi oleh ketua atau pemimpin yang mereka percayai. Kerajaan akan memanggil dan memberi maklumat kepada pemimpin komuniti ini tentang isu-isu pilihan raya termasuk parti manakah yang sewajarnya dipilih oleh para pengundi pekak. Maklumat kemudiannya akan disalurkan kepada ahli-ahli pekak yang mendaftar dengan persatuan orang pekak negeri masing-masing. Bagaimanapun usaha ini belum mencukupi kerana hak-hak politik belum tercapai khasnya di dalam mengiktiraf MySL. Bantuan dan dana perlu disalurkan secara konsisten untuk menyakinkan komuniti ini bahawa kerajaan tidak hanya mendekati mereka hanya apabila menjelang pilihan raya.

## **Tiada Kolaborasi antara dengan Pusat Maklumat**

Demi satu kelangsungan profesyen, pustakawan harus menggerakkan perpustakaan dan pusat maklumat iaitu dengan mencapai keperluan maklumat bukan sahaja kepada masyarakat normal tetapi juga kepada golongan pekak. Permasalahan yang sangat ketara ialah kegagalan profesyen ini



mendalami dan memahami keperluan sebenar komuniti ini bukan sahaja akibat daripada jurang komunikasi tetapi juga tiada inisiatif yang berterusan dan serius di dalam mendekati golongan ini. Peranan pustakawan rujukan bukan setakat membantu dan menyediakan kemudahan pengaksesan maklumat tetapi juga perlu berkebolehan membaca, mendekati, dan memenuhi keperluan mereka. Golongan pekak bukan sahaja ditakuti dan cuba dielakkan untuk ditawarkan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan. 'Kami menerima pengguna pekak ke sini tetapi tiada komunikasi yang jelas antara kami.' (Roshida Othman, 2008, Mac 25). Jurang komunikasi ini menyebabkan masyarakat yang bukan pekak khususnya pihak perpustakaan tidak memahami mesej yang ingin disampaikan dan tidak mampu untuk memberikan maklumbalas. Malah, kadang-kadang, golongan yang bukan pekak, langsung tidak melayani golongan yang istimewa ini. 'Hal sebegini tentu sahaja akan menjauhkan hubungan antara golongan orang pekak dengan golongan yang bukan pekak' (Hasan Baseri Budiman, 2008).

Di samping itu juga, perpustakaan di Malaysia masih gagal menyediakan panduan kepada segala kemudahan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan kepada pengguna. Dalam erti kata lainnya, elemen-elemen perhubungan awam tidak dilaksanakan dengan baik oleh pustakawan yang ditujukan secara khusus kepada golongan pekak. Ini menyebabkan golongan pekak bukan sahaja tidak tahu fungsi sebenar perpustakaan tetapi juga perkhidmatan dan kemudahan yang sepatutnya disediakan. 'Assuming a lack of knowledge of library systems and resources is advised because deaf people are more likely not to have knowledge of library resources and systems.' (Jeal, Roper, Ansell, 1996).

Penyediaan sumber maklumat yang tidak mencukupi juga dilihat sebagai satu kekangan dalam menyediakan keperluan maklumat kepada golongan pekak. Koleksi perpustakaan terutamanya perpustakaan awam perlu merangkumi isu-isu termasuk pekak dan kepekakan. Ini juga perlu mencakupi bahan bercetak seperti buku, jurnal dan lain-lain dan juga bahan bukan bercetak seperti video bagi mempelajari bahasa isyarat.

### **Jurubahasa di Sektor Awam dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)**

Masalah kekurangan yang ketara bagi jurubahasa isyarat di sektor awam yang mempunyai kaunter seperti sektor kehakiman, kesihatan, institusi agama, pendidikan, begitu mendesak. Ini kerana sektor awam berperanan melaksana urusan-urusan berkaitan orang awam di Malaysia. Kawalan mutu, pengoperasian dan penyelarasannya dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan ini berfungsi membekalkan sumber tenaga manusia yang berupaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang melalui penggubalan dasar dan pengurusan sumber manusia. Ia melibatkan polisi masa urusan di kaunter, prosedur, layanan mesra, ketelusan, kemudahan dari sudut akses (availability), kepercayaan (reliability) selain menepati undang-undang, dasar dan peraturan.

Begitu juga ketiadaan jurubahasa yang bertugas atau petugas SPR yang berkebolehan menguasai bahasa isyarat. Jurubahasa sangat penting untuk memberi panduan dan membantu urusan warga pekak dengan memberikan penerangan berkaitan kaedah, prosedur dan sebagainya. Mereka ini penting dilatih menguasai Bahasa Isyarat memandangkan mereka ini membawa imej dan menjadi lidah sektor masing-masing. Perkara ini penting kerana turut terlibat dasar dan polisi tertinggi kerajaan. Jika dilihat dalam skop yang lebih besar, fenomena ini berkaitan dengan hak-hak orang Pekak sebagai warga negara dan pengguna untuk mendapat informasi yang tepat untuk setiap perkhidmatan yang

disediakan kepada mereka oleh kerajaan. 'Beberapa kesan telah dikenalpasti akibat daripada ketiadaan jurubahasa isyarat di sektor awam antaranya penerimaan dan penghantaran informasi yang tidak berkesan, wujudnya kekeliruan dan kesalahfahaman terdedah kepada kerendah birokrasi, urusan kerja menjadi sulit dan tertanggung serta perkhidmatan awam gagal memaklumkan kepada golongan pekak tentang perkhidmatan yang mereka tawarkan.' (Sariah Ibrahim, 2007).

Begitu juga dengan petisyen untuk memangkah calon pilihan tiada disediakan kepada warga emas tanpa mengkhaskan kepada komuniti ini. Dalam mengekalkan status ketelusan dan kredibilitinya, SPR sewajarnya mengambilkira faktor ini di samping memperbaharui dan memperkemaskan pengumpulan data statistik komuniti ini termasuk mengenalpasti jenis-jenis kecacatan para pengundi OKU.

## **CADANGAN DAN STRATEGI**

Berpandukan kepada cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti, beberapa cadangan telah diketengahkan di dalam memastikan penyaluran maklumat yang lebih telus dan keperluan maklumat yang sempurna dapat diberikan kepada komuniti pekak.

### **Mengiktiraf Bahasa Isyarat Sebagai Bahasa Ketiga dan Bahasa Rasmi Golongan Pekak**

Setakat ini, 'MYSL atau MySL telah diterima sebagai bahasa rasmi orang pekak di Malaysia hanya setakat di Jabatan Pendidikan Khas dan Kementerian Pelajaran Malaysia bertolak daripada seminar yang diadakan pada tahun 2004.' (Mohd Jimadie Shah Othman, 2008). Walaubagaimanapun Bahasa Isyarat Malaysia (MYSL) masih belum diiktiraf oleh Parlimen sebagai bahasa rasmi untuk seluruh warga pekak. Seminar yang dianjurkan pada 23-25 Ogos 2007 yang bertemakan 'Memartabatkan MySL Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak di Malaysia' dilihat sebagai satu usaha membuka minda ahli masyarakat untuk menyokong penuh usaha menobatkan bahasa isyarat malaysia sebagai bahasa rasmi warga pekak. Sepuluh resolusi yang diserahkan di akhir seminar wajar dijadikan panduan kepada kerajaan untuk memantapkan lagi usaha-usaha ke arah menjadikan bahasa isyarat sebagai bahasa rasmi yang diiktiraf.

Usaha dalam mengiktiraf bahasa isyarat sebagai bahasa rasmi telahpun dilaksanakan di negara lain dan ianya wajar dijadikan panduan kepada Malaysia di dalam memberi dimensi yang lebih bermakna kepada masyarakat Malaysia dan warga pekak khususnya. 'Bahasa isyarat diktiraf sebagai satu bahasa misalnya, bahasa isyarat British telah diiktiraf pada 18 Mac 2003. Bahasa isyarat New Zealand pula diiktiraf sebagai bahasa rasmi New Zealand pada bulan April 2006 di samping bahasa Inggeris dan bahasa Maori.' (Mohamad Sofee Razak, 2008).

### **Lahirkan Lebih Ramal Jurubahasa Isyarat Professional**

Dalam usaha mendekatkan jurang maklumat, komunikasi dan teknologi, kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar dalam usaha menyamaratakan hak golongan pekak ini dan masyarakat normal. Kerajaan Malaysia melalui belanjawan 2007 telah memperuntukkan sejumlah wang yang amat besar sebanyak RM12.1 juta untuk melatih sebanyak mungkin jurubahasa isyarat

dan memperluaskan penggunaan MySL. Kursus Diploma Jurubahasa Isyarat yang dijalankan oleh Pusat latihan MySL (MySLTC) dengan kerjasama International University College of Technology Twintech (IUCTT) mensasarkan 300 jurubahasa isyarat dapat dicapai pada 2011. Kursus yang pertama di rantau Asia ini mempunyai magnitud yang besar sebagai satu model dalam bidang pendidikan dan latihan kerana ia bakal menaiktarafkan dan mengatasi kekurangan jurubahasa isyarat yang begitu rigid dewasa ini.

Oleh yang demikian, pertambahan jurubahasa isyarat perlu selari dengan populasi orang pekak memandangkan menjelang 2020, dijangka populasi penduduk Malaysia adalah melebihi 25 juta dan jumlah orang pekak boleh menjangkau 50, 000 orang. Malaysia perlu mengikut langkah negara-negara maju seperti 'Jepun yang melahirkan jurubahasa isyarat seramai 2000 orang dengan nisbah 1:100 dan juga Australia, seramai 400 orang dengan nisbah 1:25.' (Ismail Md Salleh, 2007).

Bagaimanapun, pengambilan baru pelajar sepenuh masa ini belum dibuat pada tahun ini. Untuk mencapai nisbah ini, latihan dan pengambilan pelajar baru bagi Kursus Diploma Jurubahasa Isyarat, perlu dilakukan secara konsisten dan berterusan. Kerajaan perlu bersedia untuk menyalurkan dana, komitmen dan sokongan padu agar kursus ini diteruskan dengan sempurna. Beberapa kerjasama perlu dijalankan dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang membolehkan wujudnya penambahbaikan dari segi silibus dan kurikulum yang lebih mantap serta menawarkan kursus baru di bawah kelolaan fakulti bahasa di universiti.

### **Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif**

Galakan dan dana untuk menjalankan penyelidikan pembangunan perisian mempelajari MySL perlu sentiasa diberi perhatian berterusan oleh pihak kerajaan. Usaha perintis telah telah dibangunkan dalam bentuk elektronik oleh Oceans Eyes Sdn. Bhd., dan perisian ini pada mulanya dinamakan sebagai e-Sign, kemudian ditukar kepada e-MySL. Sistem ini mempunyai gabungan ciri-ciri interaktif dan menarik untuk pembelajaran MySL, revisi dan penilaian pemahaman dan kemahiran. Sistem ini hanya boleh digunakan secara *off line* dan belum berada dalam pasaran. Kajian yang dijalankan menunjukkan 89% daripada responden mengakui sistem ini sangat berkesan dalam mempelajari bahasa isyarat. (Haziha, Mohd Shamsul & Marlia, 2008). Pada masa akan datang, penggunaannya boleh dikomersilkan di pasaran terbuka untuk menggalakkan lebih ramai orang mempelajari MySL.

### **Proaktif Suruhanjaya Pilihan Raya**

SPR perlu menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian untuk mendekati golongan ini supaya perkhidmatan ditawarkan adalah optima. Beberapa pertimbangan perlu dilaksanakan seperti memberi latihan berbahasa isyarat kepada para petugas tertentu, penyediaan tempat yang khas, pengumpulan data yang sistematik dan lengkap serta bersifat mesra pengundi pekak. SPR juga perlu membuat '*networking*' perkhidmatan dan menjalankan kajian dengan semua persatuan orang pekak di seluruh negeri untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan tentang komuniti ini.

## KESIMPULAN

Kejayaan mendekati dan memahami keperluan maklumat golongan pekak bergantung kepada tahap keupayaan menguasai bahasa isyarat dengan baik. Segala cabaran-cabaran yang membantutkan usaha penyebaran maklumat terhadap warga ini perlu di atasai sebaik mungkin. Semua pihak perlu memberikan komitmen yang optima di dalam memperjuangkan hak kesamarataan warga pekak dalam mendapatkan maklumat setara dengan masyarakat normal. Pada 11 september 2007, memorandum untuk memartabatkan dan mengiktiraf Bahasa Isyarat Malaysia sebagai bahasa rasmi orang pekak di Malaysia telah dibawa ke parlimen. Pengiktirafan politik yang utama iaitu kerajaan perlu segera mengiktiraf MySL di samping menggubal akta yang sedia ada supaya dacing pemberat terhadap mereka bukan hanya berlandaskan kebajikan. Pilihan raya yang diadakan tidak pernah gagal memberikan keputusan sama ada gagal atau kalah kepada calon yang bertanding dan sudah pasti undi yang dilakukan oleh komuniti pekak turut menyumbang kepada peratusan keputusan tersebut. Kerajaan tidak harus didiskriminasikan hak-hak mereka hanya disebabkan mereka terkelompok dalam golongan minor

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Razalli. (2007). *Menilai Penguasaan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) Di Kalangan Murid Bermasalah Pendengaran*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Abdul Rahman Hamdan. (2007). *BM, KTBM, MYSL (MySL) Dan Orang Pekak*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Abdullah Yusoff. (2008, April). Konflik Orang Pekak. *Dewan Bahasa*, 10-12.
- Azlinariah Abdullah. (2007, December 3). Tukar Pandangan pada OKU. *Utusan Malaysia*, 10.
- Carver, Roger. (1993). Information: feast or famine, *Eye to Eye*.
- Country Report on the achievements of the government measures for persons with disabilities during the Asian and Pacific Decade of Disabled Persons, 1993-2002. (2008). Retrieved April 14, 2008, from the World Wide Web: <http://www8.cao.go.jp/shougai/english/biwako/3.html>
- Hasan Baseri Budiman. (2008, April). Semiotik dalam Bahasa Isyarat . *Dewan Bahasa*, 18-20.
- Haziah Saari, Mohd Shamsul Daud & Marlia Idrus. (2008). *Information Needs for the Deaf Community in Malaysia: Drastic Momentum Is Needed*. Paper presented at International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSSH), Malaysia: Penang.
- Haziah Saari, Mohd Shamsul Daud & Marlia Idrus. (2008). *The effectiveness and efficiency of e-MySL software in learning Malaysian Sign Language*. Shah Alam, IRDC.
- Ismail Md Salleh. (2007). *Kerencanaan Bahasa Isyarat di Malaysia*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2006). Profail Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2005. (Report). Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jeal, Yvette, Roper, Vincent D. Paul & Ansell, Elaine. (1996). Deaf People and Libraries-Should There be a Special Considerations? Part 1: Traditional Services. *New Library World*, 97(1), 12-21.
- Kyle, J.G. & Woll, B. (1985). *Sign Language: The Study of Deaf People and Their Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Madzlina Nordin. (2008, April). Dakwah dalam Bahasa Isyarat. *Dewan Bahasa*, 46-47.
- Malaysia ada 500,000 laman blog. (2008). Retrieved April 20, 2008, from the World Wide Web: <http://www.utusan.com.my/utusan/arkib>
- Mohamad Sazali Shaari. (2007). *Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Orang Pekak di Malaysia*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Mohamad Sofee Razak. (2008, April). Memperkasakan Bahasa Isyarat. *Dewan Bahasa*, 22-23.
- Mohd Ali Salim. (2008, April). Mendengarkan suara tunakerna. *Dewan Bahasa*, 24-26.
- Mohd Jimadie Shah Othman. (2008, April). Industri Pendidikan Bahasa Isyarat Malaysia. *Dewan Bahasa*, 18-20.
- Nor Salimah Abu Mansor. (2007). *Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Wahana Dakwah: Kepentingannya Dalam Penghayatan Agama Warga Pekak*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Raja Abdullah Yaacob & Norma Abu Seman. Library and Information Services in a Multilingual and Multicultural Society in Malaysia. (2008). Retrieved April 28, 2008, from the World Wide Web: <http://wason.library.cornell.edu/iaol/Vol.43/malaysia>
- Reitz, Joan M. (2004). *Dictionary for library and information science*. Westport, Conn: Libraries Unlimited.
- Roshida Othman. (2008, March 25). Librarian of Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah. *Personal Interview*. Kedah.
- Sariah Ibrahim. (2007). *Ketiadaan Jurubahasa Isyarat Di Sektor Awam Mewujudkan Tidak Mesra Pelanggan*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Sazali Abd Hamid. (2007). *E-MySL Satu Pendekatan Bersepadu Belajar Bahasa Isyarat*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.
- Sazali Abd Hamid. (2007). *Kursus Diploma Jurubahasa Isyarat Lahirkan Jurubahasa Isyarat Yang Berkelayakan*. Paper presented at Seminar MySL 2007: Memartabatkan Bahasa Isyarat Malaysia (MySL) Sebagai Bahasa Rasmi Komuniti Pekak, Malaysia: Johor Bharu.

Siew Hock Ow, Salimah Mokhtar & Roziati Zainudin. (2007). A Review on the Teaching and Learning Resources for the Deaf Community in Malaysia. *Chiang Mai University Journal of Social Science and Humanities*. 1(1), 165-176.

Zamri Mohamad. (2008, April). Membaca dengan Pendengaran. *Dewan Bahasa*, 40-42.